Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Sokong parti lawan

KELANTAN BERTINDAK

KOTA BHARU, Isnin — Kakitangan Kerajaan Negeri ini yang didapati membantu calon-calon lawan dalam pilihanraya umum lalu akan diberi perhatian berat dan sesuatu tindakan tegas akan diambil ke atas mereka.

Pengerusi Barisan Nasional Negeri Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah berkata, tindakan tegas juga akan diambil ke atas ahli-ahli parti komponen, khususnya dari UMNO yang menentang parti dalam pilihanraya umum lalu.

"Tindakan ini bukan sahaja terhad kepada mereka dalam parti, tetapi juga mereka di dalam Kerajaan sendiri yang didapati membantu calon-calon lawan," tegas beliau yang juga Ketua Perhubungan UMNO Kelantan.

Tengku Razaleigh menyebut demikian ketika ditemui selepas mengadakan perjumpaan dengan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen dari BN Kelantan, di bangunan UMNO di sini lewat petang semalam.

Menteri Kewangan itu juga memberitahu, jentera Kerajaan peringkat negeri akan disusun semula supaya sesuai dengan keadaan baru dan kestabilan kedudukan politik semasa.

"Kita bercadang menyusun semula agensi-agensi Kerajaan supaya dipimpin oleh pemimpin politik yang memahami konsep dan tujuan kita," ujar beliau.

Tengku Razaleigh menegaskan, "kita tidak lagi membenarkan badan-badan digunakan untuk kepentingan lawan.

Beliau menjelaskan, sebarang langkah yang akan diambil adalah untuk mengukuhkan lagi kedudukan Kerajaan Barisan Nasional negeri bagi kestabilan politik.

Beliau menegaskan lagi, Kerajaan Barisan BN Kelantan akan mengamalkan slogan baru bagi menjamin Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah.

Tengku Razaleigh juga mengumumkan, jentera-jentera sekolah agama mubaligh, guru-guru Quran, penghulu-penghulu dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) akan disusun semula supaya sesuai dengan keadaan baru.

Katanya lagi, setiap Ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen BN Kelantan telah diarahkan menghantar laporan setiap minggu mengenai aktiviti-aktiviti dan tugas-tugas mereka kepada Ketua BN Negeri, Menteri Besar, Ibupejabat BN Negeri dan salinan kepada parti masing-masing.

Menurutnya, borang-borang khas yang disediakan oleh Pejabat BN Negeri untuk tujuan itu dan langkah tersebut juga bertujuan mengawasi perjalanan dan mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh wakil-wakil rakyat.

Tegas beliau, setiap wakil rakyat Kelantan diwajibkan menghantar laporan mingguan dan mereka yang ingkar akan diambil ingatan.

Dalam perjumpaan khas itu, Tengku Razaleigh juga mengarahkan semua wakil rakyat BN sentiasa mendampingi rakyat dan menjalankan kewajipan dengan berkesan sebagaimana yang dikehendaki oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.